



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : GELAGAT ORGANISASI
KOD KURSUS : DSM2113
PEPERIKSAAN : JANUARI 2024
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: **BAHAGIAN A (60 Markah)**
BAHAGIAN B (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan.
 - ii. Kertas Jawapan Objektif.
 - iii. Buku Jawapan.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 14 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **TIGA PULUH (30)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Apakah ciri semulajadi manusia?

- A Perbezaan individu.
- B Persekitaran.
- C Teknologi.
- D Sosial.

2. Mengapakah pengetahuan tentang gelagat organisasi sangat penting kepada seseorang pengurus?

- A Pengurus boleh mengawal pelakuan pekerja dalam melaksanakan tugas.
- B Memudahkan pengurus mengekalkan etika kerja dalam kalangan pekerja.
- C Pengurus perlu menghargai perbezaan pada setiap individu sebagai aset yang berpotensi.
- D Pengurus boleh membuat keputusan dan memilih gelagat yang betul serta tidak bercanggah dengan prinsip organisasi.

3. Berapakah jenis nilai yang telah diwujudkan oleh Gordon Allport?

- A 4.
- B 5.
- C 6.
- D 7.

4.


- Suka belajar melalui proses pemerhatian.
- Mudah berasa penat ketika berada dalam sesuatu majlis sosial.

Pernyataan 1

Apakah ciri personaliti yang boleh dikaitkan dengan maklumat di atas?

- A Introvert.
- B Ketelitian.
- C Ekstrovert.
- D Kestabilan emosi.

5. Maklumat di bawah adalah jenis penjabatan yang digunakan oleh Syarikat Murni.

**Carta 1**

Berdasarkan carta 1, apakah jenis penjabatan yang diamalkan di Syarikat Murni?

- A Penjabatan mengikut geografi.
- B Penjabatan mengikut jenis produk.
- C Penjabatan mengikut jenis pelanggan.
- D Penjabatan mengikut proses yang terlibat.

6. Apakah tujuan utama pembentukan struktur organisasi?
- A Alat untuk menguruskan aktiviti pekerja.
 - B Mekanisme untuk yang digunakan oleh pekerja untuk berkomunikasi dengan pihak pengurusan atasan.
 - C Alat yang digunakan untuk mengumpulkan jenis pekerjaan yang dilakukan secara bersama.
 - D Mengawal koordinasi antara tindakan manusia dan pencapaian matlamat organisasi.

7.

Encik Hadi dalam proses rombakan struktur organisasi Syarikat Alam Deras. Oleh kerana itu, beliau telah menaikkan pangkat Raykal sebagai Pengurus Cawangan Johor Bahru Tengah. Sebagai Pengurus Besar, Encik Hadi telah meminta Raykal untuk hadir melapor diri di cawangan berkenaan pada 1 Disember 2023.


Pernyataan 2

Apakah elemen yang digunakan oleh Encik Hadi dalam membentuk struktur organisasi?

- A Penjabatan.
 - B Rantaian arahan.
 - C Jangkauan kawalan.
 - D Pengkhususan kerja.
8. _____ ialah hasil daripada output yang akan menggerakkan satu tindak balas terhadap apa yang didengar dan dirasa oleh seseorang individu.
- A Input
 - B Reaksi
 - C Penilaian
 - D Pengaruh

9. Encik Kumar telah memberikan markah yang tinggi kepada Cik Kiambang untuk penilaian prestasinya bagi tahun 2023. Ini kerana, mereka berasal dari kampung yang sama dan bergraduat daripada universiti yang sama. Ini adalah contoh tentang
- A stereotaip.
 - B kesan halo.
 - C pengunjuran.
 - D persepsi terpilih.

10.



Situasi 1

Sekiranya situasi di atas terjadi dalam organisasi anda, apakah yang perlu anda lakukan untuk mengatasi situasi ini dari terus berlaku?

- A Mengubah input.
- B Memilih rujukan lain.
- C Mengubah keluaran.
- D Gangguan persepsi diri.

11.

Amin tidak suka bekerja dan sering mengelak untuk melaksanakan kerja yang diberikan oleh pengurusnya

Pernyataan 3


Apakah teori yang bersesuaian dengan pernyataan di atas?

- A Teori X.
- B Teori situasi.
- C Grid pengurusan.
- D Kajian Universiti IOWA.

Soalan 13 dan 14 adalah berdasarkan maklumat di bawah:

'Nelson Mandela'

Walaupun selepas kematiannya pada tahun 2013, bekas presiden Afrika Selatan Nelson Mandela dihormati di seluruh dunia sebagai salah seorang pemimpin yang paling berpengaruh dan paling disayangi pada zaman ini. Dia menghabiskan masa awalnya bertempur melawan ketidaksetaraan perkauman yang dilestarikan oleh rejim apartheid Afrika Selatan, yang mana dia telah dipenjarakan selama 27 tahun. Selepas pembebasannya dan berakhirnya apartheid, Mandela dipilih secara demokratik sebagai presiden kulit hitam Afrika Selatan yang pertama. Beliau mendedikasikan waktu hidupnya untuk berkhidmat kepada Afrika Selatan serta mempromosikan hak-hak sivil di seluruh dunia.



Pernyataan 4

12. Apakah corak kepimpinan yang diamalkan oleh Nelson Mandela?
- A Karismatik.
 - B Transaksional.
 - C Transformasional.
 - D Pertukaran pemimpin dan pengikut.
13. Berdasarkan jawapan soalan 12, apakah kesan corak kepimpinan yang diamalkan oleh Nelson Mandela kepada pengikutnya?
- A Pengikutnya akan meniru nilai dan tingkah laku pemimpin.
 - B Pengikutnya akan berusaha gigih ke arah pencapaian matlamat.
 - C Pengikutnya akan cepat berpuas hati terhadap pemimpin mereka.
 - D Pengikutnya sanggup berkorban bagi peningkatan keberkesanan organisasi.
14. Maklumat berikut adalah berkaitan dengan sumber-sumber kuasa organisasi.

Situasi I	Situasi II
Encik Alex telah mengeluarkan notis kepada semua pekerja tentang hukuman yang akan dikenakan kepada pekerja yang mempunyai masalah kehadiran. Ini menyebabkan segelintir pekerja berada dalam ketakutan dan kebimbangan serta terpaksa akur dengan hukuman berkenaan.	Pihak Ahli Lembaga Pengarah Murni Holdings sebulat suara bersetuju dengan jawatan yang disandang oleh Tuan Mukhriz sebagai Ketua Pengarah bagi tahun 2024.

Berdasarkan situasi di atas, pilih pasangan yang **betul**.

	Situasi I	Situasi II
A	Kuasa sah.	Kuasa rujukan.
B	Kuasa paksaan.	Kuasa sah.
C	Kuasa ganjaran.	Kuasa kepakaran.
D	Kuasa kepakaran.	Kuasa ganjaran.

15. Berdasarkan maklumat di bawah kenal pasti pasangan yang **betul** tentang kuasa yang boleh digunakan oleh pekerja.

	Kuasa	Contoh
A	berbudi	berpura-pura menolong
B	sekutu	mempengaruhi ahli organisasi
C	kewarasan	berbohong
D	pendakwaan	menuduh

16. Berdasarkan teori kontigensi strategik, sub unit boleh memperoleh kuasa apabila


- A** mereka mengawal sumber yang bernilai.
- B** mereka boleh berhubung dengan Ketua Eksekutif.
- C** mereka mempunyai pengaruh dalam pengagihan aktiviti.
- D** mereka boleh menyemarakkan semangat antara sub unit untuk meningkatkan pencapaian.

17. Mengapakah individu menyertai kumpulan?

- i. Keperluan kuasa.
- ii. Keperluan jaminan.
- iii. Keperluan ekonomi.
- iv. Keperluan hak sebagai pekerja.

- A** i dan ii
- B** ii dan iii
- C** iii dan iv
- D** i dan iv

18. Gambar 1, merupakan salah satu saluran komunikasi dalam organisasi.



Gambar 1

Berdasarkan gambar 1, apakah peranan saluran komunikasi berkenaan?

- A Berperanan sebagai pasukan maya.
- B Berperanan sebagai pasukan video konferens.
- C Berperanan sebagai pasukan rangkaian komunikasi.
- D Berperanan sebagai pasukan kerjasama dalam talian.

19. Antara berikut, yang manakah merupakan contoh saluran formal dalam proses komunikasi?

- i. Memo.
- ii. Perbualan.
- iii. Perbincangan.
- iv. Surat tunjuk sebab.

- A i dan ii
- B ii dan iii
- C iii dan iv
- D i dan iv

20. Apakah peranan penerima bagi memastikan proses komunikasi berlaku dengan berkesan?

- A Mengambil nota.
- B Membaca maklumat dengan pantas.
- C Menggunakan saluran komunikasi yang tetap.
- D Mentafsir mesej dengan bahasa yang mudah difahami.

Soalan 21 dan 22 adalah berdasarkan maklumat di bawah.

Semasa baru menjadi pengurus di Indosure, antara matlamat yang Helmi ingin capai ialah meningkatkan produktiviti dan memperbaiki perkhidmatan pelanggan. Namun sekarang, Helmi berasakan mungkin mustahil bagi beliau untuk mencapai matlamat tersebut disebabkan beliau berasa begitu sukar untuk berkomunikasi dengan pekerjaanya.

Pernyataan 5

21. Mengapakah wujudnya masalah komunikasi di IndoSure?

- A Keupayaan penerima.
- B Kekurangan saluran formal.
- C Perbezaan kuasa dan status.
- D Aliran komunikasi yang tidak bersesuaian.

22. Bagaimanakah Helmi memperbaiki sistem komunikasi di syarikat berkenaan?

- i. Menguasai kepakaran MBWA.
- ii. Menjadi pendengar yang aktif.
- iii. Bijak memilih saluran komunikasi.
- iv. Mewujudkan persefahaman antara pengirim dan penerima.

- A i, ii dan iii
- B ii, iii dan iv
- C i, iii dan iv
- D Semua di atas.

23. Antara berikut, yang manakah merupakan faktor-faktor dalam membuat keputusan?

- A Gelagat.
- B Sistem ganjaran.
- C Penilaian prestasi.
- D Perbezaan budaya.

24. Kaedah membuat keputusan secara berkumpulan juga dikenali sebagai

- A Teknik delphi.
- B *brainstorming*.
- C konsep syura.
- D perjumpaan terbuka.

25. Apakah kesan positif konflik?

- A Mengukuhkan perpaduan.
- B Menghilangkan tekanan emosi.
- C Menggalakkan percambahan idea.
- D Wujudnya pemimpin yang menekankan autoriti.

Soalan 26 dan 27 adalah berdasarkan maklumat di bawah.

Cik Syura hendak membeli sebuah kereta *sport* yang cantik. Harga yang ditawarkan oleh penjual ialah RM150,000.00 tetapi beliau tidak mempunyai wang sebanyak itu. Maka rundingan dibuat supaya harga itu dapat dikurangkan. Setelah berunding sekian lama, maka telah dipersetujui bahawa kereta berkenaan dijual dengan harga RM130,000.00. Di sini, Cik Syura berjaya mengurangkan harga sebanyak RM20,000.00. Jumlah ini merupakan keuntungan atau kemenangan kepada Cik Syura dalam perundingan tersebut tetapi sebaliknya kerugian atau kekalahan pihak penjual iaitu sebanyak RM20,000.00.

Pernyataan 6

26. Berdasarkan pernyataan 6, apakah strategi rundingan yang telah digunakan oleh Cik Syura?

- A Tawar-menawar harga.
- B Tawar-menawar agihan.
- C Tawar-menawar kolektif.
- D Tawar-menawar bersepadu.

27. Berdasarkan pernyataan 6, apakah kesimpulan anda?

- A Rundingan ini cuba mencari alternatif penyelesaian.
- B Rundingan ini hanya berasakan keadaan jumlah-sifar.
- C Rundingan ini membawa keadaan menang-kalah (win-lose situation).
- D Rundingan ini memberi peluang kepada pihak yang terlibat dalam konflik supaya berunding.

28. Selepas syarikat mengalami penggabungan, tanggungjawab Aina semakin banyak. Setiap hari Aina perlu membuat senarai semak tugas yang perlu disiapkan mengikut keutamaan. Walaupun Aina berasa tertekan, Aina masih dapat menyelesaikan sebahagian besar tugasnya mengikut tempoh yang ditetapkan. Aina telah menggunakan teknik _____ untuk mengurangkan tekanannya.

- A sokongan sosial
- B latihan merehatkan tubuh
- C pengurusan masa yang betul
- D meningkatkan senaman fizikal

29. Apakah kos yang terlibat dalam perubahan organisasi?

- A Kos keselamatan.
- B Kos pengagihan sumber.
- C Kos fizikal dan kesihatan.
- D Kos psikik dan kenaikan pangkat.

30. Antara berikut, yang manakah halangan kepada perubahan organisasi?

- i. Kebekuan kumpulan kerja.
- ii. Latar belakang demografi.
- iii. Ekonomi yang tidak terjamin.
- iv. Ketakutan kepada perkara yang tidak diketahui.

- A** i dan ii
B ii dan iii
C iii dan iv
D i dan iv

[60 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

a. Terangkan kepentingan motivasi.

(8 markah)

b. Bagaimanakah pendekatan reka bentuk kerja dapat meningkatkan motivasi seseorang pekerja?

(12 markah)

SOALAN 2

a. Jelaskan mana-mana **lima (5)** ciri utama pemimpin berkarisma.

(10 markah)

b. Bezakan antara pemimpin transaksional dan pemimpin transformasional.

(10 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

0

0